

14/11/1999

Pucuk pimpinan BN tentukan calon

KUALA LUMPUR: Beberapa pemimpin kanan parti komponen Barisan Nasional (BN) menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukan kedudukan mereka sebagai calon pada pilihan raya umum 29 November nanti.

Tokoh-tokoh BN itu semuanya berpendapat bahawa pucuk pimpinan parti, khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai pemimpin parti berhak untuk menentukan sama ada mereka digugurkan atau ditukarkan kerusi.

Di KUALA LUMPUR, ketika mengulas desas-desus pegawai kanan kerajaan, termasuk Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, disebut-sebut bakal menjadi calon BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkannya sebagai khabar angin.

"Saya tidak tahu. Saya tidak ada maklumat .. jangan letakkan saya dalam khabar angin," kata Timbalan Perdana Menteri ketika ditanya mengenai kemungkinan Abdul Halim bertanding dalam pilihan raya nanti.

Ditanya kemungkinan ada pegawai lain yang akan meletakkan jawatan, Abdullah berkata, itu pun khabar angin.

Laporan Bernama pula menyebut, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat enggan mengulas laporan akhbar berhubung spekulasi beliau menjadi calon BN dalam pilihan raya ini.

Ketika ditanya perkara itu Aseh tidak mengesah atau menafikan spekulasi itu.

"Saya hanyalah seperti seorang anak dara yang menunggu orang datang dan berkahwin dengan saya," katanya.

Pemimpin lain pula menyifatkan desas-desus berhubung pengguguran mereka daripada senarai nama calon sebagai spekulasi pembangkang untuk mencetuskan suasana keruh dalam BN.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata: "Saya sendiri sama ada terus bertanding atau sebaliknya, juga akan ditentukan oleh Dr Mahathir."

Di JASIN, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin tidak menolak kemungkinan beliau adalah antara pemimpin negeri yang akan berpindah ke kerusi Parlimen pada pilihan raya umum ini.

"Bagi saya, penentuan untuk calon bertanding di mana-mana adalah hak Perdana Menteri selaku Presiden Umno ... kita sebagai ahli mengikut arahan.

"Saya akan terima arahan bertanding di mana-mana ... (bagaimanapun) saya lebih bersetuju untuk terus duduk di negeri kerana masih banyak tugas yang perlu diteruskan," katanya.

Di BUTTERWORTH, Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Dr Ibrahim Saad, akur dengan keputusan kepemimpinan tertinggi Umno jika beliau tidak disenaraikan sebagai calon dalam pilihan raya umum kali ini.

"Jika saya diletakkan supaya bertanding kerusi Parlimen Tasek Gelugor atau Permatang Pauh, atau jika nama saya tidak dicalonkan sekali pun, saya tidak akan mempersoalkan keputusan kepemimpinan tertinggi parti kerana saya tidak berhak menentukan perkara itu," katanya.

Di KUALA KANGSAR, Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk menentukan kedudukannya sama ada bertanding kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Setakat ini tidak ada ura-ura (perpindahan kerusi) dan terserah kepada Perdana Menteri menentukannya," katanya diminta mengulas spekulasi beliau akan bertanding di Parlimen Parit.

Turut disebut-sebut mengambil alih jawatan Menteri Besar ialah Menteri

di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Di MUAR, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, menyifatkan spekulasi pengguguran menteri dan Menteri Besar sebagai helah parti pembangkang.

Beliau berkata, jiwa raganya hanya ditumpukan untuk BN Johor bagi menghadapi pilihan raya dan pembangunan Johor tanpa memikirkan spekulasi bahawa beliau akan ditukar bertanding kerusi Parlimen.

"Kita jangan terpengaruh dengan cerita sebegini (spekulasi). Ini hanya cerita tepian dan mungkin strategi parti lawan mengkucar-kacirkan suasana. Saya yakin Perdana Menteri mempunyai kebijaksanaan menguruskan hal parti dan kerajaan bagi menghadapi pilihan raya dan selepas itu," katanya.

Di SERDANG, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, memberi bayangan terhadap kesungguhan untuk terus mempertahankan kerusi Parlimen Gopeng.

"Kelmarin sudah berada di Gopeng dan selepas majlis ini saya akan bertolak ke sana dan berdasarkan kepada keadaan ini anda boleh membuat andaian betapa seriusnya saya terhadap perkara berkenaan," katanya.

Di MELAKA, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata parti itu dan Gerakan setuju bertukar beberapa kawasan bagi memastikan BN terus mencatat keputusan cemerlang dalam pilihan raya umum ini.

Beliau berkata, pertukaran itu dijangka membabitkan kira-kira 10 peratus daripada jumlah kerusi sedia ada yang dimiliki MCA.

"Jika Gerakan mendapati ada kawasan yang mereka tidak mungkin menang, ia akan diserahkan kepada MCA...begitu juga sebaliknya," katanya. Bagaimanapun, keputusan muktamad berhubung perkara itu akan ditentukan oleh Dr Mahathir.

Di GEORGETOWN, Ahli Parlimen Jelutong, Karpal Singh, meminta penduduk kawasan itu menentukan sendiri sama ada mereka mahu beliau terus menjadi wakil rakyat kawasan itu atau sebaliknya melalui pilihan raya umum kali ini.

Menyedari hakikat dirinya sering dikritik kerana tidak pernah muncul di kawasan Jelutong, Karpal berkata: "Keputusan sama ada saya masih diperlukan sebagai wakil mereka di Parlimen Jelutong untuk penggal keenam atau tidak terpulang kepada pengundi di situ.

"Pengundi Jelutong memahami sebab saya tidak dapat muncul di kawasan itu secara fizikal. Ia bukanlah satu perkara yang saya buat dengan sengaja," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, DAP dijangka mencalonkan Betty Chew, isteri bekas Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng bagi bertanding di kawasan itu.

Beliau berkata, pencalonan itu akan dibuat oleh parti, memandangkan pengundi di Kota Melaka, tentu mahu kesinambungan kepada perjuangan Guan Eng sebelum ini.

(END)